

10/06/1998

Emtek '98: Mimpi atau realiti

BARU-BARU ini, Cabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat, Kelantan, menjadi sebutan ramai apabila dipilih sebagai tapak eksposisi multimedia, telekomunikasi dan elektronik, Kelantan, Emtek '98.

Tidak pernah terfikir di benak penduduk kawasan luar bandar itu bahawa Pak Berahim akan membawa segala teknologi terkini dalam dunia teknologi maklumat (IT) ke tempat mereka.

Mereka harus berterima kasih kepada Pak Berahim kerana dengan kesungguhan dan keberaniannya, berjaya membawa syarikat IT masuk kampung, selama ini tidak pernah terfikir oleh mana-mana pihak.

Sebelum Emtek bermula, banyak mulut berbunyi dengan mengatakan usaha itu membazir memandangkan ia diadakan dalam keadaan ekonomi negara yang tidak memberangsangkan.

Tambahan lagi ia membabitkan banyak kegiatan serta rakyat jelata yang sudah tentu kena paka pitih banyak. Namun Pak Berahim dengan tegas yakin ia akan berjaya. Dan tup-tap tup-tap, ia ternyata berjaya.

Usaha Pak Berahim mendedahkan masyarakat luar bandar kepada dunia IT harus dipuji memandangkan bukan semua masyarakat kawasan berkenaan pernah melihat komputer.

Maka masuklah komputer di kawasan itu dan amatlah ramai rakyat jelata kawasan berkenaan serta sekitarnya berpusu-pusu membanjiri tapak Emtek '98, yang bagaikan sebuah pesta (memang pun pesta, ada gajah, nyanyi-nyanyi dan jual menjual).

Oleh kerana ramainya pengunjung, ambo sendiri tidak dapat masuk menggunakan pintu utama, terpaksa tunjuk pas wartawan untuk masuk melalui pintu sisi bersama jurugambar Suhaimi Idris.

Syarikat yang mengambil bahagian bukan calang-calang syarikat, semuanya sudah terkenal. Ini membanggakan penganjur kerana dapat menarik masuk syarikat berkenaan bersama membantu masyarakat luar bandar ke arah celik komputer.

Ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadi iktibal kepada rakyat negara ini betapa seriusnya beliau mahukan rakyat menikmati teknologi berkenaan.

Dengan kaki yang masih belum sembuh sepenuhnya hinggakan terpaksa dipimpin serta tangannya masih berbalut, Dr Mahathir sanggup meluangkan masa menjayakan Emtek '98. Kalau kita, sanggup tak berbuat demikian? Berdiri hampir setengah jam dengan kekuatan hanya pada sebelah kaki dan dalam cuaca panas terik. Ambo tabik PM pada ketika itu.

Adalah agak malang sekiranya masyarakat hanya datang untuk berpesta dan berseronok di eksposisi itu sedangkan Dr Mahathir dan Pak Berahim begitu serius untuk mendedahkan masyarakat dengan teknologi IT.

Dan pada ucapan PM, rakyat harus mengambilnya dengan serius terutama apabila beliau mengatakan penjajahan zaman moden kini tidak lagi membabitkan peperangan, hanya menggunakan komputer.

Beballah rakyat sekiranya masih lagi main-main dengan dunia IT. Orang sudah berikan peluang untuk mereka menikmatinya, tetapi tidak digunakan sebaik mungkin. Last-last jangan salahkan sesiapa sekiranya bong dalam penggunaan komputer.

Setelah Emtek '98 selesai dan agak berjaya?, janganlah Pak Berahim terus cuci tangan dan beredar. Sebenarnya beliau mempunyai tugas yang berat menantinya di hari depan. Sebenarnya usaha Pak Berahim itu bagaikan menjejut seekor singa yang sedang tidur. Apabila terjaga akibat

kejutan, singa itu pasti marah dan akan bertindak sebaliknya (menerkam mangsanya).

Begitu juga Pak Berahim, sebagai pemangkin eksposisi IT terbesar di luar bandar, beliau tidak harus menjadikan yang pertama itu sebagai terakhir. Itu bukannya ciri seorang pejuang.

Beliau harus memastikan usaha itu berterusan supaya matlamat mencelikkan masyarakat luar bandar dengan komputer berjaya. Tidak boleh ditinggalkan mereka dengan satu mimpi indah di siang hari.

Keberanian dan kegigihan Pak Berahim akan tercabar sekiranya beliau gagal mengadakan eksposisi seperti itu bagi kali kedua di luar bandar walaupun ekonomi gawat.

KRUL: Tunggu, lihat, dengar dan intai.

(END)